

## LANGKAH-LANGKAH KAWALAN

### KAWALAN DI LADANG PEMBIAK, PENELUR, PEMBAKA DAN HATCHERI

#### A. LANGKAH BIOSEKURITI

- Satu jurusan anak ayam sahaja dipelihara;
- Sumber anak ayam dari ladang bebas salmonellosis;
- Ladang mesti dipagar;
- Semburan basmi kuman untuk kenderaan dan pekerja ladang /pelawat;
- Pencelup kaki pada setiap pintu masuk.

#### B. KAWALAN RODENSIA

- Program pengawalan tikus menggunakan racun atau perangkap.

#### C. KAWALAN BURUNG LIAR

- Reban ditutup dengan jaring.

#### D. KAWALAN PENYAKIT BAWAAN MAKANAN

- Makanan yang telah diproses pada suhu tinggi; Pemantauan mikrobiologi pada makanan.



## UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kuching  
082-628255

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Samarahan  
082-671221

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Serian  
019-2045829

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sri Aman  
083-322106

Pejabat Perkhidmatan Betong  
083-471622

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sarikei  
084-658129

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sibul  
084-330224

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kapit  
084-798280

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Mukah  
084-871050

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bintulu  
086-335770

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Miri  
085-411866

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Limbang  
085-212177

Pejabat Perkhidmatan Lawas  
085-285085



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK**  
IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR,  
LOT 877, JALAN SEMENGGOK, OFF BATU 12  
JALAN KUCHING-SERIAN, 93250 KUCHING, SARAWAK

Tel: 082-628248 / 249 / 250 / 255 | Faks: 082-628227  
OPS Room Hotline: 016-2557267 | Email: [dvs@sarawak.gov.my](mailto:dvs@sarawak.gov.my)  
Website: [dvs.sarawak.gov.my](http://dvs.sarawak.gov.my) | FB: [www.facebook.com/DVSSarawak](https://www.facebook.com/DVSSarawak)

## JANGKITAN SALMONELLA



**JABATAN  
PERKHIDMATAN  
VETERINAR SARAWAK**



## KENALI JANGKITAN SALMONELLA

Salmonellosis unggas atau dikenali sebagai *Fowl Typhoid* disebabkan oleh bakteria *Salmonella* spp. Terdapat empat *Salmonella* spp yang penting dalam unggas iaitu :-

- *Salmonella pullorum*
- *Salmonella gallinarum*
- *Salmonella typhimurium*
- *Salmonella enteritidis*

Kajian epidemiologi menunjukkan bahawa jangkitan ini adalah dari makanan hasil ternakan terutamanya daging ayam, telur dan produk hasil daging ayam/telur yang tercemar dengan bakteria ini.

### PUNCA JANGKITAN

- Jangkitan dari induk;
- Jangkitan dari tempat penetasan;
- Persekitaran reban yang tercemar;
- Bakteria disebarkan oleh tikus yang berkeliaran dalam reban atau melalui pekerja ladang;
- Kekurangan makanan/air dan persekitaran reban yang menyebabkan ayam stress.

## TANDA-TANDA KLINIKAL DAN PENCEGAHAN

### TANDA-TANDA KLINIKAL PADA HAIWAN

- Bulu kusut;
- Mata tertutup;
- Cirit-birit;
- Kurang selera makan;
- Kematian pada anak ayam.

### TANDA-TANDA KLINIKAL PADA MANUSIA

- Cirit-birit;
- Muntah;
- Kekejangan badan;
- Pada peringkat yang teruk, boleh menyebabkan kematian.

### PENCEGAHAN

- Vaksinasi mengikut jadual;
- Mengekalkan kebersihan ladang pada tahap optimum;
- Menjalankan fumigasi pada telur;
- Elakkan makan daging ayam/ telur mentah;
- Mengekalkan suhu untuk Menyimpanan daging ayam;
- Basuh tangan sebelum dan selepas mengendalikan makanan.

## ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999

Dibawah Seksyen 30 VPHO (1999), Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan *Salmonella* kepada *State Veterinary Authority* boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM500.

Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan *Salmonella* boleh didenda tidak melebihi RM1000.

Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada *State Veterinary Authority* dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500.

